

Bicara EKONOMI

EMAS PILIHAN HATI

Siti Hajar Md.Jani

Jabatan Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi 72000, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

sithajar04@uitm.edu.my

Saya mula menghayati, mempelajari dan menulis tentang emas di ketika penulisan kertas ilmiah ijazah pertama iaitu sekitar tahun 2006 dan menyambung pengajian dalam peringkat sarjana juga tentang emas sebagai matawang pada tahun 2008. Seusai pengajian saya telah berkhidmat dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai tutor dan berpindah tempat kerja pada tahun 2010 di UiTM Kuala Pilah.

Ketika saya memulakan kerjaya saya disini, seorang kawan saya memberitahu bahawa harga emas di Kuala Pilah adalah lebih rendah berbanding di tempat lain kerana kedai emas di Kuala Pilah tidak mengikut harga Persatuan Emas Malaysia menjadikan kedai emas di Kuala Pilah mempunyai harga mereka sendiri dimana iaanya lebih rendah berbanding kedai emas ditempat-tempat lain. Rentetan daripada itu, ia menjadi satu faktor tarikan kepada saya untuk menjadikan pembelian emas sebagai hobi, simpanan dan pelaburan masa depan.

CIRI-CIRI BARANG KEMAS YANG DIPILIH SEMASA MEMBELI EMAS

Barang kemas bagi saya bukan sekadar barang perhiasan tetapi apabila saya membeli barang kemas saya akan melihat kepada faktor-faktor lain, antaranya:-

- ☒ Harga pergram (kerana harga upah boleh di runding dengan penjual)
- ☒ Susut Nilai barang (berdasarkan reka bentuk emas)
- ☒ Boleh di pajakkan di Arrahnu (pajak gadai Islam)



HARGA PER GRAM

Saya cenderung memilih kedai yang menawarkan harga emas per gram yang lebih rendah secara relatif, terutamanya sekiranya emas yang mahu saya beli beratnya melebihi 10 gram. Ini kerana harga barang kemas dibayar, harga emas + upah buruh. Harga emas kebiasaannya tidak boleh tawar menawar namun, pembeli boleh tawar menawar pada upah buruh. Sekiranya seseorang pandai dalam tawar menawar, dia berpeluang untuk mendapat jumlah harga yang lebih rendah dan berbaloi.

SUSUT NILAI BARANGAN

Seterusnya, saya akan memilih reka bentuk yang kurang potensi untuk ditola k nilainya ketika saya menjalankan pajakkan di Ar Rahnu kelak. Ini kerana saya merupakan peniaga kecil-kecilan yang akan memajakkan emas saya di Ar Rahnu ketika ingin membeli barang jualan.

Ciri-ciri emas yang saya maksudkan adalah barang kemas yang berciri tidak "terlalu moden" atau *complicated*. Reka bentuk yang terlalu *complicated* memerlukan bahan sokongan seperti besi, spring dan magnet untuk menjadikan rekaannya cantik dan kukuh. Ini memberi kesan berat emasnya akan ditolak sedikit berdasarkan berat besi atau magnet yang ada dalam barang kemas tersebut ketika pajakan dibuat. Selain itu, saya juga mengelak dan mengurangkan pembelian barang kemas yang terlalu banyak krom iaitu cat putih. Ini kerana krom yang terlalu banyak akan menyebabkan Institusi Ar Rahnu tertentu menolak gram emasnya ketika pajakan. Oleh itu, bagi tujuan pajakan saya lebih memilih yang padu, walaupun ia kecil.

Bicara EKONOMI

TAHAN LASAK DAN TIDAK MUDAH KEMEK

Selain itu, saya akan memilih barang yang tahan lasak, tidak mudah rosak atau tidak mudah kemek. Ini kerana rekaan kosong atau tidak padu, amat sensitif sekiranya barang kemas digunakan untuk “basahan” harian. Barang kemas yang telah kemek tidak selesa untuk dipakai. Walau bagaimanapun, ia masih berbaloi untuk di simpan bagi tujuan pelaburan masa depan.

REKAAN BESAR TAPI TIDAK PADU

Namun, rekaan yang besar dan kosong, sesuai bagi mereka yang hanya memakai emas untuk majlis atau acara tertentu. Rekaan yang besar menampakkan wanita lebih berkeyakinan, anggun dan berprestij. Saya juga ada membeli rekaan besar tetapi tidak padu dan ianya saya gunakan untuk menghadiri majlis tertentu sahaja mengikut tema majlis tersebut. Apabila pulang ke rumah, saya akan buka dan simpan semula.

Rekaan besar dan tidak padu, emasnya tetap tulin dan andai rekaannya tidak “complicated” iaitu rekaan yang biasa tanpa besi, magnet dan spring untuk sokongan, berat dan nilainya tidak akan ditolak semasa buat pajakan walaupun ianya telah kemek. Pihak institusi Ar Rahnu tidak akan menolak jumlah gram emas sekiranya barang kemas itu rosak atau kemek. Ia hanya tolak gram emasnya andai terdapat unsur selain emas berada dalam barang kemas tersebut. Jadi, sekiranya anda ingin bergaya di acara tertentu, apa salahnya membeli emas yang besar tetapi tidak padu. Barang kemas padu, tahan lasak, sesuai untuk digunakan untuk basahan harian. Juga tiada penolakan gram ketika pajakan kerana barang kemas seperti di atas, rekaan tiada magnet, spring atau besi.



Gambar 4: Barang Kemas Padu. (Foto Siti Hajar)



Gambar 1: Rantai tangan dengan klip yang ada spring besi

Sumber: <https://bit.ly/3FprUgG>



Gambar 2: Rantai tangan dengan rekaan tahan lasak dan tidak mudah rosak.
(Foto Siti Hajar)



Gambar 3: Rantai tangan emas yang besar dan berkilau memang menarik perhatian
Sumber: <https://www.saudagaremas.com/>

Bicara EKONOMI



Gambar 5: Besi di dalam emas

Sumber: <https://raazsjewellery.blogspot.com/2019/03/besi-di-dalam-emas.html>



Gambar 6: Barang kemas seperti ini sangat cantik dan sesuai dengan peredaran zaman. Tetapi perlukan sokongan besi dan spring untuk sokong rekaan tersebut. Ia bukan menipu tetapi rekaan tersebut memang memerlukan spring dan besi.

Sumber: <https://www.mingguanwanita.my/besi-dalam-rekaan-bangle-emas-wanita-perlu-ambil-tahu-sebelum-beli/>

KESIMPULANNYA

Rekaan barang kemas yang ingin dibeli perlulah berasaskan niat si pemakai. Andainya anda membeli dengan tujuan untuk dijadikan modal perniagaan pada masa akan datang, iaitu untuk di pajakkkan di Institusi Ar Rahnu, jadi anda perlu memikirkan rekaan yang kurang atau tiada bahan selain emas seperti besi, spring dan magnet di dalam barang kemas yang di beli. Namun, andainya anda membeli emas untuk bergaya semata-mata, iainya tidak menjadi satu kesalahan untuk memilikinya. Selain itu, walau barang kemas itu besar dan kosong di dalamnya, ia tetap emas, mutu emasnya dan beratnya tidak akan ditolak oleh pihak Institusi Ar Rahnu walau terdapat kecacatan atau kerosakan, selagi mana, barang kemas tersebut tidak di campur dengan bahan selain emas.



Gambar 7: Besar dan bergaya... tidak salah untuk memiliki..

Sumber: <https://www.mingguanwanita.my/mana-lebih-berbaloi-beli-barang-kemas-besar-kosong-atau-nipis-padu/>